



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2005

**GARIS PANDUAN
PENILAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
24 Ogos 2005**

Dikeliling kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881957
Fax : 603-88883505

Rujukan : UPP.EKON 177/
656/2 Klt.2 ()
Tarikh : **Rejab 1426H**
24 Ogos 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN PENILAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini berserta Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan seperti lampiran bertujuan untuk memandu kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri dalam

melaksanakan penilaian *outcome* dan impak program pembangunan masing-masing.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penilaian *outcome* dan impak program merupakan satu komponen utama dalam pengurusan pembangunan kerajaan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya.

2.2 Penilaian *outcome* dan impak program pembangunan merupakan antara elemen penting dalam kitaran projek yang mengandungi Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian. Penilaian merupakan sebahagian daripada pengurusan strategik negara bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan kerajaan. Selaras dengan itu, Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2/1992* bertajuk *Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan*.

2.3 Pendekatan bersistematik yang berterusan adalah perlu bagi menilai *outcome* sesuatu program supaya maklum balas dan penemuan yang diperolehi dapat digunakan dengan berkesan untuk menambah baik dasar dan program kerajaan atau memutuskan sesuatu program dan projek diubah suai, diperluas atau dimansuhkan. Dengan kata lain,

penilaian *outcome* adalah penting untuk memastikan hasil pulangan yang maksimum daripada peruntukan yang dibelanjakan.

- 2.4 Justeru, kerajaan melalui mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2005 telah menetapkan supaya kementerian/ jabatan/agensi dan pentadbiran negeri melaksanakan penilaian *outcome* program pembangunan. Sehubungan dengan ini, Garis Panduan yang disediakan dan telah diedarkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Negara pada 20 Jun 2005, hendaklah diguna pakai sewajarnya oleh pihak berkenaan.

3. KANDUNGAN GARIS PANDUAN

- 3.1 Garis Panduan ini memberikan panduan dan penjelasan berkenaan perkara yang berikut:
- a. Konsep Penilaian;
 - Penilaian
 - Penilaian Program Pembangunan
 - b. Komponen Penilaian;
 - c. Skop Penilaian;
 - d. Proses Penilaian; dan
 - e. Pelaporan.
- 3.2 Penilaian *outcome* dan impak terhadap program pembangunan dilaksanakan secara bersepadu pada tiga tahap iaitu Dasar, Program dan Projek.

4. PEMATUHAN GARIS PANDUAN

4.1 Ketua-ketua Setiausaha/Ketua-ketua Jabatan/Ketua-ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan Garis Panduan ini diterima pakai dan dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri di bawah pengawasan masing-masing. Laporan penilaian *outcome* dan impak yang dihasilkan hendaklah dibentangkan dalam Majlis Tindakan Negara, Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah Arahan No.1, 2004 Majlis Tindakan Negara, mengikut mana yang berkenaan.

4.2 Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), selain menjadi agensi penyelaras terhadap penilaian *outcome* program pembangunan akan juga melaksanakan penilaian *outcome* terhadap program-program terpilih atau yang dikenal pasti dengan kerjasama kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri dari semasa ke semasa.

5. **TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

6. **PEMAKAIAN**

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Garis Panduan ini pada keseluruhannya terpakai kepada semua pentadbiran negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Ketua Setiausaha Negara

Lampiran kepada
Surat Pekeliling Am
Bilangan 3 Tahun 2005

GARIS PANDUAN PENILAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)
Jabatan Perdana Menteri

Kandungan

Perkara	Muka Surat
1. Tujuan	1
2. Konsep Penilaian	1
3. Komponen Penilaian	7
4. Skop Penilaian	13
5. Proses Penilaian	15
6. Pelaporan	24
7. Penutup	25
Lampiran I	
Lampiran II	

GARIS PANDUAN PENILAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN

1. TUJUAN


Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan bertujuan untuk menjelaskan kaedah bagi menilai keberhasilan (*outcome*) dan impak program pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan pentadbiran negeri termasuk badan-badan berkanun di bawahnya serta Pihak Berkuasa Tempatan.

2. KONSEP PENILAIAN

2.1 Penilaian

2.1.1 Penilaian pada umumnya ialah proses mengenal pasti peri pentingnya atau bernilainya sesuatu program pembangunan melalui kajian dan pemerhatian secara terperinci dan sistematik. Penilaian juga merupakan proses menganalisis prestasi sebenar pada tahap tertentu berbanding dengan perancangan asal. Tujuan utama penilaian adalah untuk memperbaiki proses perancangan bagi program atau projek yang sama pada masa hadapan.

2.1.2 Penilaian merupakan sebahagian daripada proses berterusan **Kitaran Projek** yang meliputi peringkat **Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian**. Lihat **Rajah 1**.



RAJAH 1: Kitaran Projek

2.1.3 Penilaian boleh dilakukan pada beberapa peringkat **sebelum, semasa dan selepas** pelaksanaan sesuatu program, iaitu pada fasa Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian:

a. **Fasa Perancangan**

Pada fasa ini, Analisis Kos Faedah sesuatu program diperlukan yang merangkumi perkara berikut:

- i. Analisis kewangan, teknik dan pasaran – pulangan bersih projek;
- ii. Analisis ekonomi – kesan terhadap ekonomi;

iii. Analisis sosiopolitik – kesan terhadap objektif pengagihan dan penerimaan politik.

b. **Fasa Pelaksanaan**

Pada fasa ini, aktiviti pemantauan fizikal dan kewangan yang dijalankan merupakan suatu bentuk penilaian.


c. **Fasa Penilaian**

Fasa ini menilai keberkesanan program pembangunan kerajaan berdasarkan output, *outcome* dan impak program secara menyeluruh.

2.1.4 Proses pada fasa penilaian berkait rapat dengan proses pada fasa perancangan seperti dalam **Rajah 2**. Terdapat lima komponen penting dalam fasa penilaian, iaitu:

- i. **Hala Tuju** - menentukan objektif, matlamat dan hipotesis program;
- ii. **Konsep** - menentukan bagaimana kaedah untuk mengukur pencapaian program, mengenal pasti dan menentukan *milestone*, output dan sasaran *outcome* program;
- iii. **Reka Bentuk** - menyelaraskan komponen-komponen penilaian;

- iv. **Analisis** - mengumpul data untuk dianalisis, dinilai dan dirumus;
- v. **Aplikasi** - menggunakan hasil penilaian dalam mengurus dan membuat keputusan.



RAJAH 2: Kitaran Perancangan dan Penilaian


*Sumber: Diubahsuai daripada William M.K. Trochim, 2002
Research Methods Knowledge Base Web*

2.2 Penilaian Program Pembangunan

2.2.1 Penilaian program didefinisikan sebagai kajian formal yang melibatkan analisis sistematik terhadap sesuatu program pembangunan. Ia melibatkan semua fasa pembangunan program termasuk penilaian tentang kaedah mengenalpasti program atau penggubalan program, reka bentuk, tatacara

pemantauan dan juga analisis keberkesanan dan kecekapan program. Ia juga mengkaji sejauh mana dapatan sesuatu penilaian itu dapat diaplikasikan kepada program sedia ada.

2.2.2 Penilaian pada peringkat pasca pelaksanaan program pula bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang kesesuaian, keberkesanan dan kecekapan program yang telah dilaksanakan. Analisis ini memerlukan pengumpulan data/maklumat yang berkaitan dengan sesuatu program bagi membantu proses membuat keputusan. Lihat **Rajah 3**. Contoh aliran penilaian bagi satu program pembangunan hospital.



RAJAH 3: Carta Proses Penilaian Program Pembangunan

3. KOMPONEN PROSES PENILAIAN

3.1 Definisi istilah yang digunakan ialah:

i. Dasar

Dasar merupakan teras utama yang digubal oleh kerajaan dalam menguruskan program pembangunan di Malaysia. Dasar yang dimaksudkan ialah dasar sedia ada dan yang terdapat dalam dokumen-dokumen yang berkaitan seperti Dasar Pertanian Negara Ketiga, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Sosial Negara dan Dasar Dadah Negara. Dasar dalam konteks penilaian adalah kenyataan yang ada hubung kait secara langsung dengan tujuan program pembangunan yang hendak dinilai.

ii. Objektif

Objektif merujuk pada komitmen pengurusan untuk mencapai matlamat dasar melalui program pembangunan yang telah ditetapkan. Hasil yang dicapai hendaklah mempunyai hubungan secara langsung dengan strategi dan matlamat organisasi. Sehubungan ini, objektif dalam konteks penilaian telah ditetapkan semasa program dirancang dan objektif boleh dirujuk dalam dokumen-dokumen

yang berkaitan seperti permohonan RMLT dan Bajet Persekutuan Tahunan.

Objektif sesuatu program yang dinilai seharusnya bersifat *SMART* iaitu *specific* (spesifik), *measurable* (boleh diukur), *achievable* (boleh dicapai), *realistic* (realistik) dan *time-bound* (mengikut tempoh masa). Ini bermakna objektif yang dihasilkan bagi program yang hendak dinilai mestilah menyatakan secara jelas faedah yang ingin dicapai untuk kumpulan sasaran, dalam tempoh yang ditetapkan.

iii. **Program**

Program merujuk pada perancangan pembangunan sesebuah kementerian/ jabatan/agensi dan pentadbiran negeri yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk dilaksanakan dalam tempoh RMLT.

iv. **Kumpulan Sasar**

Kumpulan sasaran ialah penerima faedah secara langsung dan tidak langsung daripada program pembangunan yang dilaksanakan. Bagi tujuan penilaian program pembangunan, kumpulan sasaran perlu dinyatakan secara spesifik dan *outcome* program untuk kumpulan ini mestilah dapat diukur.

v. **Bidang Hasil Utama**

Bidang Hasil Utama (BHU) merupakan perkara yang perlu dikenal pasti terlebih dahulu untuk menentukan pencapaian output dan *outcome* sesuatu program. Ia bertujuan untuk memandu dan memudahkan pembentukan Indikator Pencapaian (IP). BHU dibentuk berdasarkan pada objektif dan matlamat program pembangunan yang dilaksanakan. **Jadual 1** ialah contoh BHU bagi Program Rawatan dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah. **Jadual 2** ialah contoh BHU bagi Program Pembangunan Kontraktor.

JADUAL 1:Program Rawatan dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah

Program	Objektif	Bidang Hasil Utama
Program Rawatan dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah	Memutuskan pergantungan seseorang penagih kepada dadah dan mencegah penagihan semula	1. Daya tahan penagih dadah 2. Penyesuaian diri dalam masyarakat

JADUAL 2: Program Pembangunan Kontraktor

Program	Objektif	Bidang Hasil Utama
Program Pembangunan Kontraktor	Melahirkan dan membangunkan kontraktor yang berkualiti dan berdaya saing	<ol style="list-style-type: none">1. Sistem pengurusan syarikat2. Aliran tunai3. Nilai kontrak kerajaan yang diperolehi4. Perolehan projek swasta5. Penglibatan di peringkat antarabangsa6. Teknologi dan kepakaran

vi. Indikator Pencapaian

Indikator Pencapaian merupakan penunjuk prestasi sesuatu program berbanding dengan sesuatu yang ditetapkan. IP boleh berbentuk kuantitatif dan/atau kualitatif. Indikator Pencapaian kuantitatif, ditunjukkan melalui peningkatan atau penurunan merentasi dua tempoh masa, iaitu mula dan tamat dalam bentuk bilangan, kadar atau peratus.

IP kualitatif pula boleh diubah terlebih dahulu kepada bentuk yang boleh diukur¹. Cara ini memudahkan penilai untuk melihat kecenderungan jawapan.

vii. **Sasaran *Outcome***

Sasaran *Outcome* merupakan matlamat *outcome* yang ingin dicapai daripada program pembangunan yang dilaksanakan terhadap kumpulan sasar. Dalam proses perancangan program pembangunan, sasaran *outcome* biasanya ditetapkan.

viii. **Output**

Output merupakan kesan langsung yang diperolehi daripada pelaksanaan sesuatu program pembangunan.

ix. ***Outcome* Sebenar**

Outcome Sebenar merupakan hasil yang diperolehi daripada pelaksanaan program pembangunan dalam jangka pendek.

¹ IP kualitatif boleh diubah mengikut beberapa kaedah seperti meletakkannya dalam kumpulan kategori nominal dan mengikut ukuran Skala Likert. Contohnya, penilaian sendiri penerima faedah sesuatu program mungkin mempunyai ukuran skala seperti berikut: 0 – Sangat Tidak Baik (STB); 1 – Baik (B); 2 – Sangat Baik (SB). Kecenderungan penilaian yang bersifat kualitatif ini (STB, B, SB) kini boleh diukur dan diberikan nilai setelah dibuat penukaran.

x. **Penilaian Impak**

Impak merupakan kesan daripada pelaksanaan program pembangunan dalam jangka panjang. Kaedah penilaian impak berbeza antara satu program pembangunan dengan yang lain. Penilaian boleh dibuat secara kuantitatif, kualitatif atau gabungan kedua-duanya.

xi. **Analisis Jurang Perbezaan**

Analisis Jurang Perbezaan merupakan perbezaan antara sasaran *outcome* dengan *outcome* sebenar daripada pelaksanaan program pembangunan. Analisis ini juga merupakan perbandingan antara praprogram dengan pasca program bagi tujuan membuat rumusan penilaian.

xii. **Analisis Pelaksana dan Kumpulan Sasar Program Pembangunan**

Analisis dibuat berdasarkan pendapat dan penilaian agensi-agensi yang terlibat secara langsung² dengan pelaksanaan program pembangunan dan penerima faedah program pembangunan tersebut. Analisis ini amat membantu dalam membuat

² Sebagai pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program pembangunan, mereka lebih mengetahui dan dapat memberikan 'penilaian sebenar' tentang sesuatu program pembangunan. Kaedah 'bawah-atas' ataupun 'penilaian akar umbi' berkemungkinan besar memberi gambaran dan penilaian yang sebenar. Penilaian kesemua 'penerima faedah' tetapi memadai dengan mengambil sampel yang boleh mewakili keseluruhan penerima faedah program pembangunan yang dinilai.

rumusan penilaian program pembangunan yang dilaksanakan.

xiii. **Rumusan Penilaian**

Rumusan penilaian merupakan kesimpulan terhadap keputusan penilaian program pembangunan yang dilaksanakan melalui beberapa kaedah penilaian termasuk Analisis Jurang Perbezaan, Analisis Pelaksana dan Kumpulan Sasar Program Pembangunan serta cadangan masa hadapan program pembangunan yang dinilai.

4. SKOP PENILAIAN

4.1 Penilaian program pembangunan memberi fokus kepada *outcome* yang diperolehi oleh kumpulan sasaran. Pemilihan program pembangunan yang dikaji hendaklah berdasarkan kepada kriteria yang berikut:

- i. Program yang mempunyai kepentingan nasional;
- ii. Program yang menjadi keutamaan kepada kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri;
- iii. Program yang memberi kesan kepada kumpulan sasaran dalam jumlah yang besar;
- iv. Program yang melibatkan kos yang tinggi;
- v. Program yang memberi kesan berganda.

4.2 Penilaian *outcome* program pembangunan dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu:

(a) Jangka Pendek


- i. Program yang telah siap bagi mendapatkan *outcome* yang segera;
- ii. Menggunakan data dan maklumat sekunder;
- iii. Menggunakan kaedah perbincangan secara langsung dengan kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri.

(b) Jangka Panjang

- i. Program berterusan yang telah siap secara berfasa dan mengambil masa yang lebih lama;
- ii. Menggunakan data dan maklumat primer dan sekunder;
- iii. Menggunakan kaedah perbincangan secara langsung dengan kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri.

5. PROSES PENILAIAN

5.1 Proses penilaian mempunyai enam langkah seperti dalam **Rajah 4.**



RAJAH 4: Aliran Penilaian Program Pembangunan

5.1.1 Langkah 1 : Pengenalpastian Program

Pemilihan program yang dinilai perlu merujuk kriteria pada para 4 (Skop Penilaian).

5.1.2 Langkah 2 : Penggubalan Cadangan Penilaian

Penggubalan cadangan penilaian program pembangunan hendaklah meliputi tiga aspek utama, iaitu:

(a) Penyediaan Terma Rujukan

Terma Rujukan menerangkan kaedah dan tugas yang perlu dilaksanakan bagi membuat penilaian program pembangunan. Sehubungan itu, satu pasukan penilai mestilah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas penilaian selepas mendapat kelulusan cadangan daripada pengurusan organisasi.

(b) Mengenal Pasti Objektif, BHU dan Sasaran *Outcome*

Objektif program pembangunan yang dinilai hendaklah dikenal pasti sebelum BHU dan Sasaran *Outcome* ditetapkan.

(c) Pembentukan Indikator Pencapaian

Indikator Pencapaian (IP) digunakan untuk mengukur hasil dan keberkesanan sesuatu program pembangunan. Indikator ini perlu

dikenal pasti dan ditetapkan sebelum proses penilaian dilaksanakan.

Ciri-ciri IP adalah seperti yang berikut:

- i. Khusus atau spesifik dan jelas;
- ii. Berkaitan rapat atau relevan dengan objektif program yang ditetapkan;
- iii. Sejauh mana yang boleh, IP hendaklah berbentuk kuantitatif untuk membolehkan pengukuran dan analisis dilaksanakan. Ukuran berdasarkan pemerhatian atau kualitatif juga boleh dijadikan IP;
- iv. Data yang digunakan hendaklah sah dan boleh dipercayai.

IP bagi proses penilaian program pembangunan diwujudkan berasaskan faktor **keberkesanan** dan **kecekapan**.

IP Keberkesanan memberikan maklumat tentang sejauh mana objektif dan sasaran *outcome* program pembangunan itu tercapai melalui penggunaan sumber dan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Keberkesanan sesuatu program atau aktiviti diukur secara langsung dan tidak

langsung berdasarkan kaitan antara IP dan objektif.

IP mestilah berupaya mengukur keberkesanan program dari aspek:

- i. Sejauh mana program yang dilaksanakan menepati kehendak dan keperluan sebenar kumpulan sasaran;
- ii. Akses kumpulan sasaran sebenar terhadap program yang dilaksanakan;
- iii. Keupayaan dan kemampuan sebenar kerajaan dalam menyediakan program pembangunan.

IP Kecekapan mengukur hubungan antara sumber yang digunakan dengan hasil dan kemudahan yang diberikan. Ia membuat perbandingan antara input dan output yang dinyatakan dalam bentuk atau nilai kuantitatif seperti pecahan, peratusan dan nisbah.

IP boleh diasaskan melalui beberapa BHU yang telah ditetapkan. Selaras dengan ini, sesuatu IP boleh ditetapkan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti individu, komuniti, ekonomi, sosial, alam sekitar, kerajaan dan wilayah/negara.

Penyediaan IP perlu mengambil kira perkara yang berikut:

- i. Mengenal pasti kaitan di antara matlamat kerajaan dengan *outcome* yang dikehendaki;
- ii. Mengadakan perundingan dengan semua pihak yang terbabit sama ada dalaman dan luaran;
- iii. Memastikan IP yang dibentuk dipersetujui oleh pihak pengurusan atasan;
- iv. Mengutamakan budaya organisasi yang memberi penekanan terhadap pencapaian *outcome*, penilaian ke atas diri sendiri, penyertaan dan perbincangan semua anggota organisasi.

Contoh IP bagi mengukur keberkesanan sesuatu program pembangunan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3: Contoh Indikator Pencapaian

Objektif	Bidang Hasil Utama	Indikator Pencapaian
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan jumlah pengeluaran hasil perikanan dalam tempoh RMKe8 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengeluaran perikanan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peningkatan jumlah pengeluaran hasil perikanan ▪ Peningkatan peratus pendapatan isi rumah kumpulan yang terlibat
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mewujudkan perkampungan nelayan yang serba lengkap dengan persekitaran yang lebih bersih dan selesa dalam RMKe9 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Taraf hidup masyarakat nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peningkatan pemilikan rumah sendiri ▪ Peningkatan kemudahan asas yang disediakan ▪ Peningkatan peratus pendapatan masyarakat nelayan
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan tahap kecekapan kaunter perkhidmatan awam 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan kaunter 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memendekkan masa menunggu pelanggan ▪ Meningkatkan kepuasan hati pelanggan ▪ Menurunnya bilangan aduan ketidakpuasan hati pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memutuskan pergantungan seseorang penagih kepada dadah dan mencegah penagihan semula 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Daya tahan bekas penagih 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurangan penagih berulang ▪ Pengurangan penglibatan penggunaan dadah ▪ Pengurangan kegiatan jenayah berkaitan dadah ▪ Pengurangan penyakit disebabkan dadah

5.1.3 Langkah 3 : Pengumpulan Data

Pengumpulan data perlu mengikut metodologi penyelidikan yang bersesuaian dengan skop kajian. Sumber-sumber data bergantung pada IP yang dikenal pasti meliputi:

A. Data dan Maklumat Primer

i. Kaedah Kajian

Kaedah kajian sangat sesuai untuk memperolehi pendapat atau pandangan orang ramai tentang program pembangunan yang dilaksanakan. Kaedah ini boleh dijalankan melalui soal selidik, borang maklum balas atau temu duga.

ii. Pemerhatian

Kaedah ini biasanya digunakan apabila aspek-aspek yang dinilai itu tidak mempunyai unit ukuran piawaian ataupun tidak ada tentang maklumat. Hasil dapatan pemerhatian mestilah diwujudkan dan diubah menjadi bentuk kuantitatif seperti peratusan dan jumlah. Ini boleh dilakukan oleh

kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri atau dengan menggunakan perkhidmatan pakar dalam bidang tertentu.

B. Data dan Maklumat Sekunder

i. Rekod Jabatan

Sumber data pada peringkat jabatan meliputi rekod-rekod operasi jabatan, pengurusan kewangan, perkhidmatan pelanggan serta dokumen lain seperti dasar, pelan induk, kajian pelan struktur, kajian pelan tempatan, laporan kewangan, kenyataan akhbar dan minit mesyuarat.

ii. Rekod Jabatan Lain

Dalam keadaan tertentu, kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri yang melaksanakan sesuatu program perlu merujuk jabatan lain apabila tugas jabatan berkenaan ada kaitan dengan program yang dinilai.

iii. Sumber Maklumat Lain

Sumber maklumat lain ialah maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber rujukan seperti jurnal, buku rujukan, laporan tahunan, kajian dan Internet.

5.1.4 Langkah 4 : Penganalisan Maklumat

Setelah maklumat tentang program pembangunan yang hendak dinilai diperolehi, langkah seterusnya ialah penganalisan maklumat. Tujuan analisis adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan program pembangunan yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan. Analisis ini dibuat berasaskan beberapa elemen pengukuran yang telah ditetapkan bagi menilai setiap IP. Maklumat penilaian perlu diperolehi melalui format laporan seperti dalam **Lampiran 1**.

5.1.5 Langkah 5 : Penulisan Laporan

Laporan yang perlu disediakan bagi penilaian program pembangunan yang dijalankan hendaklah mengikut format seperti dalam **Lampiran 2**.

5.1.6 Langkah 6 : Penyerahan Laporan

Laporan hendaklah dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) setelah dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat pada peringkat kementerian dan pentadbiran negeri masing-masing selaras dengan Arahan No. 1, 2004 Majlis Tindakan Negara.

6. PELAPORAN

- 6.1 Hasil laporan penilaian program hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) atau di peringkat negeri dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg) dan Majlis Tindakan Negeri (MTNg) dan seterusnya dikemukakan kepada ICU JPM.
- 6.2 ICU JPM bertanggungjawab untuk menyelaras laporan-laporan bagi semua kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN) dan seterusnya Mesyuarat Majlis Tindakan Negara (MTN). Keputusan atau arahan daripada MTN akan dimaklumkan kepada kementerian/jabatan/ agensi dan pentadbiran negeri yang berkenaan untuk tindakan.

7. PENUTUP

- 7.1 Garis Panduan ini menyediakan kaedah penilaian program pembangunan kerajaan bagi membantu kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri membuat penilaian terhadap program pembangunan yang dilaksanakan. Garis Panduan ini juga telah menetapkan jawatankuasa (seperti dalam para 6.1) untuk meneliti, menganalisis dan merumuskan setiap penilaian program pembangunan.
- 7.2 Dengan adanya Garis Panduan ini, kerajaan berharap penilaian yang dijalankan akan dapat menentukan sama ada sesuatu program pembangunan yang dilaksanakan, benar-benar mencapai objektif dan memberikan faedah maksimum kepada kumpulan sasaran. Analisis penilaian program pembangunan ini juga akan dapat membantu kerajaan dalam mengubah suai, menambah baik, merangka dan menetapkan dasar-dasar pembangunan negara dari semasa ke semasa.
- 7.3 Sebarang pertanyaan tentang pelaksanaan Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada :

Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
No. Telefon : 03 – 88881957
No. Fax : 03 – 88883528

Lampiran 1

Borang Penilaian

Dasar Program	BHU	IP	Pengukuran	Sasaran Outcome	Outcome Sebenar	Analisis Jurang Perbezaan	Rumusan Penilaian
Objektif							

Nota ;

- BHU : Bidang Hasil Utama
- IP: Indikator Pencapaian

Contoh Format Laporan Penilaian Program Pembangunan

LAPORAN HASIL PENILAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN

Kementerian :

Program :

1. TUJUAN LAPORAN

[Nyatakan tujuan laporan]

2. KAEDAH/METODOLOGI PENILAIAN

[Nyatakan kaedah-kaedah yang telah digunakan dalam pengumpulan data yang sesuai berdasarkan indikator-indikator pencapaian.]

3. INDIKATOR-INDIKATOR PENCAPAIAN

[Nyatakan indikator-indikator pencapaian yang diwujudkan bagi menjalankan penilaian. Nyatakan juga sebab-sebab indikator-indikator ini dipilih.]

4. KEPUTUSAN ANALISIS

[Nyatakan hasil penilaian yang telah dibuat berdasarkan indikator-indikator pencapaian.]

5. ISU-ISU BERBANGKIT

[Nyatakan isu-isu berbangkit jika ada.]

6. CADANGAN PENILAIAN

[Nyatakan cadangan bagi menambahbaik program pembangunan atau cadangan untuk tidak melaksanakan program sedemikian untuk masa akan datang.]

7. PENUTUP

8. LAMPIRAN